

20/11/2000

Pindaan bukti Umno relevan

TAPAH, Ahad - Perhimpunan Agung Khas Umno yang meluluskan 49 daripada 50 cadangan pindaan perlembagaan parti semalam dilihat sebagai bukti Umno mahu memastikan parti terus relevan kepada rakyat.

Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali berkata, pindaan perlembagaan yang diluluskan dapat mengukuhkan parti selain memastikan Umno diletakkan `di tangan' pewaris berwibawa pada masa depan.

"Dapat dilihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pastikan Umno bersih dan beliau juga mahu meninggalkan Umno dalam keadaan yang baik.

"Kita patut amalkan sikap yang bersih, lagipun Dr Mahathir sudah menyatakan hasrat tidak akan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang malah mungkin tidak bertanding dalam parti.

"Apa yang dilakukan Dr Mahathir semalam adalah untuk menyelamatkan Umno dan memastikan parti terus menang dalam pilihan raya umum akan datang serta kekal relevan," katanya selepas merasmikan Kem Kadet St John Ambulans Peringkat Antarabangsa 2000 di sini hari ini.

Tajol Rosli yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Perak, berkata seruan Dr Mahathir untuk menghapuskan amalan rasuah jelas membuktikan matlamatnya memastikan Umno ditadbir oleh pemimpin bersih.

"Cuma ingat ini...jika kita naik melalui cara tidak betul bermakna kita akan terus berbuat perkara yang sama bagi mengekalkan kedudukan.

"Ini lambat-laun akan mengikis moral parti dan ahli akan hilang kepercayaan kepada Umno," katanya.

(END)